

16 JUL 1999
Gerakan-Calon
HANYA JAWATAN PEMUDA GERAKAN DITANDINGI

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Hanya beberapa jawatan dalam pergerakan Pemuda parti Gerakan akan ditandingi pada persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita parti itu Jumaat depan.

Bagi Wanita Gerakan tiada pertandingan untuk kesemua lima jawatan utama apabila kesemua calon menang tanpa ditandingi, menurut senarai calon yang diumumkan hari ini.

Ketika bercakap pada persidangan media di ibu pejabat Gerakan di sini, Datuk Chang Ko Youn, 42, yang akan melepaskan jawatan Ketua Pemuda parti itu berkata kedua-dua calon baru bagi jawatan Ketua dan Timbalan Ketua Pemuda, menang tanpa ditandingi.

Jawatan ketua disandang oleh Teng Chang Yeow, 35, yang merupakan anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Tan Sri Koh Tsu Koon.

Teng, lulusan Universiti Sains Malaysia, menganggotai parti itu pada tahun 1988. Pada pilihan raya umum yang lepas, beliau mengalahkan calon DAP Karpal Singh bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Padang Kota.

Chang berkata Timbalan Ketua Pemuda pula ialah Mah Siew Keong, 38, yang sebelum ini merupakan anggota jawatankuasa Pemuda. Beliau juga adalah Ketua Pemuda Gerakan negeri Perak.

Tiga muka baru yang menang tanpa ditandingi bagi jawatan Naib Ketua Pemuda ialah Pritpal Singh, 36, (Selangor), Loh Hoon Loi, 38, (Sabah) dan Lee Kah Choon, 39, (Pulau Pinang).

Dua calon akan merebut jawatan Setiausaha Agung iaitu Alvin Low Wei Yan, 28, (Kuala Lumpur) dan Hoo Saw Ho, 32, (Selangor) manakala jawatan Bendahari dimenangi oleh penyandang, Hong Hang Peng, 39, dari Kedah.

Chang berkata seramai 20 orang akan bertanding merebut 12 tempat dalam jawatankuasa Pemuda pusat. Mereka adalah wakil-wakil dari Kuala Lumpur (4 orang), Johor dan Perak (masing-masing 3), Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Melaka (masing-masing 2), Negeri Sembilan dan Kedah (masing-masing 1).

Beliau berkata antara usul yang akan dibentangkan pada persidangan perwakilan Pemuda nanti ialah meminta supaya had umur menganggotai Pemuda dilanjutkan daripada 40 tahun ke 45 tahun.

Chang berkata usul lain ialah meminta Akta Universiti dan Kolej Universiti dikaji semula memandangkan perbincangan antara Pemuda Gerakan dengan pelajar universiti mendapati pelajar mahukan lebih banyak arena perbahasan diadakan di samping pertemuan dengan pemimpin-pemimpin parti.

Pada majlis yang sama, Ketua Pergerakan Wanita Datuk Kee Phaik Cheen, yang menang tanpa ditandingi bagi jawatan ketua untuk penggal kelima bagi tempoh 1999 hingga 2001, mengucapkan terima kasih kepada anggota parti yang memberi sepenuh kepercayaan kepada beliau menerajui Wanita Gerakan.

Berikut adalah senarai calon yang menang tanpa ditandingi yang diumumkan oleh Setiausaha Agung Wanita Ng Siew Lai.

Ketua Wanita: Datuk Kee Phaik Cheen (Pulau Pinang)
Timbalan Ketua Wanita: Datuk Rhina Bar (Pulau Pinang)
Tiga orang Naib Ketua Wanita: Law Kung Hoo (Kuala Lumpur), Wong Siew Poh (Johor) dan Ong Shock Lin (Terengganu)
Setiausaha Agung: Ng Siew Lai (Pulau Pinang),
Bendahari Nasional: Yong Dai Ying.
Law merupakan Naib Ketua Wanita yang baru dilantik.

Kee berkata Wanita Gerakan akan membawa empat usul iaitu sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, isu alam sekitar,

ekonomi dan hak-hak wanita.

-- BERNAMA

NZ JAY NMO